

BAB SATU

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Pengertian pembangunan insan dan persoalannya di kalangan para sarjana adalah berbeza mengikut disiplin keilmuan dan pengkhususan bidang yang mereka miliki. Ini berkait rapat dengan insan atau manusia itu sendiri yang hendak dibangunkan. Sama ada pembangunan insan itu dari segi pembangunan psikologi, sosiologi, ekonomi, akhlak dan tingkah laku, etika dan moral, agama atau lain-lainnya.

Definisi pembangunan insan dari kalangan sarjana ekonomi dan sosiologi klasik dapat dilihat misalnya seperti yang diutarakan oleh Karl Marx dan Max Weber.

Bagi Marx, pembangunan manusia dan perubahan sosial bukanlah disebabkan oleh nilai dan idea yang terbit dari agama, tetapi punca utama perubahan sosial adalah pengaruh ekonomi. Menurut beliau sejarah keseluruhan umat manusia adalah dipenuhi oleh perjuangan antara kelas. Marx beranggapan bahawa ekonomi merupakan penentu utama dalam pembentukan dan perkembangan struktur sosial. Hubungan dengan faktor-faktor pengeluaran akan menjadi penentu kepada hubungan kelas yang menjadi asas bagi kedua-dua struktur sosial dan perubahan sosial. Asas atau struktur masyarakat ialah ekonomi sementara hal-hal yang bukan ekonomi misalnya agama, keluarga, pendidikan dan politik merupakan superstruktur. Sebelum manusia dapat melaksanakan peranan atau fungsi superstruktur, mereka perlulah terlebih dahulu memenuhi keperluan ekonomi (Fink, 1992).

Bagi Max Weber pula, pembangunan sosial manusia bukanlah sahaja berfaktorkan kepada ekonomi tetapi juga berasaskan kepada status dan kuasa. Berbeza

dengan Marx yang menganggap agama sebagai candu kehidupan, Weber pula menganggap agama penting sebagai agen perubahan. Beliau juga bertentangan dengan Marx yang menyatakan idea dan nilai mempunyai kesan atau impak terhadap perubahan sosial sebagaimana juga kesan pengaruh ekonomi. Weber menjelaskan bahawa aspek tertentu daripada agama seperti agama Kristian, telah mempengaruhi kemunculan kapitalisme. Beliau cuba menonjolkan bagaimana nilai sosial dan agama boleh menjadi asas kepada sistem ekonomi. Menurutnya nilai-nilai agama pada awal protestantisme seperti disiplin diri, sifat jimat cermat atau kedekut dan individualisme adalah asas kepada sistem kapitalis (Roucek & Warren, 1986: 277).

Pembangunan insan dari perspektif sumber ekonomi pula dianggap sebagai pembangunan sumber manusia. Ia adalah satu konsep yang menyeluruh di mana di satu pihak ia mempunyai elemen yang berkait dengan dimensi, sifat dan agihan penduduk dalam sesebuah negara. Dari satu pihak yang lain pula, ia berperanan serentak iaitu sebagai penggerak kepada pembangunan ekonomi dan juga berperanan penting sebagai sumber permintaan dan penawaran dalam proses pengeluaran itu sendiri. Dalam konteks ini, pembangunan sumber manusia dilihat kepada peningkatan pengetahuan dan kemahiran yang dimulai dengan celik huruf (Supian Ali, 1997: 15).

Pembangunan insan menurut Abraham Maslow pula merujuk kepada pembangunan peringkat-peringkat keperluan. Beliau berpendapat bahawa manusia memerlukan beberapa keperluan asas yang perlu dipenuhi sebelum memenuhi keperluan-keperluan yang lain. Keperluan-keperluan ini ditunjukkan di dalam bentuk piramid. Keperluan yang di bawah sekali ialah keperluan asas untuk memuaskan keperluan fizikal seperti makanan, minuman, seks dan keperluan keselamatan. Peringkat kedua Maslow mengenal pasti pula keperluan psikologikal yang berpusat kepada keperluan kepunyaan atau kasih sayang dan keperluan penghormatan. Akhirnya,

keperluan tertinggi di dalam piramid Maslow ialah keperluan kesedaran potensi unik seseorang individu yang perlu dipenuhkan. Keperluan terakhir ini dipanggil sebagai keperluan kesempuranaan kendiri (Zanden, 1993: 46).

Pembangunan manusia mengikut definisi Islam pula, ialah perkembangan individu yang berterusan sejak dari alam rahim hingga kepada peringkat tua. Sebagaimana yang difirmankan oleh Allah S.W.T di dalam surah al-Haj,

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنْ كُشِّنَ فِي رَبِّ مِنَ الْبَعْثَرِ فَإِنَا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ عَلْقَةٍ ثُمَّ مِنْ مُضْنَعَةٍ مُخْلَقَةٍ وَغَيْرِ مُخْلَقَةٍ إِنَّمَا لَكُمْ وَكُفُورُكُمْ فِي الْأَرْخَامِ مَا تَشَاءُ إِلَى أَحْلٍ مُسْكَنٍ ثُمَّ نُخْرِجُكُمْ طَفْلًا ثُمَّ لَتَبْلُغُوا أَشْدَكُمْ وَمِنْكُمْ مَنْ يُتَوَفَّى وَمِنْكُمْ مَنْ يُعَذَّبُ إِلَى أَرْذَلِ الْعُمُرِ لِكَيْلَانَا يَعْلَمُ مِنْ بَعْدِ عِلْمِنَا شَيْئًا

Ertinya, "Wahai umat manusia, sekiranya kamu menaruh syak (ragu-ragu) tentang kebangkitan makhluk (hidup semula pada hari kiamat), maka (perhatilah kepada tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging yang disempurnakan kejadiannya dan yang tidak disempurnakan; (Kami jadikan secara yang demikian) kerana Kami hendak menerangkan kepada kamu (kekuasaan Kami); dan Kami pula menetapkan dalam kandungan rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang Kami rancangkan hingga ke suatu masa yang ditentukan lahirnya; kemudian Kami mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian (kamu dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan (semasa kecil atau semasa dewasa) dan ada pula yang dilanjutkan umurnya ke peringkat tua nyanyuk sehingga ia tidak mengetahui lagi akan sesuatu yang telah diketahuinya dahulu." (al-Haj: 5; Abdullah Basmeih, 1999: 839-840).

Berdasarkan ayat di atas, Islam melihat pembangunan insan melalui beberapa peringkat iaitu bermula dari peringkat di alam rahim, peringkat kanak-kanak, peringkat dewasa dan peringkat tua. Pada setiap peringkat perlu ada usaha pembangunan yang berterusan supaya dapat membentuk peribadi insan yang sempurna. Namun begitu, Islam lebih menekankan pembangunan insan dari sudut pembangunan hati atau spiritual kerana hati dianggap sebagai asas kepada pembangunan keseluruhan seorang insan. Jika

hati ini baik, nescaya akan baiklah keseluruhan pembangunannya dan sebaliknya jika ia rosak maka akan rosaklah keseluruhan pembangunan manusia. Firman Allah S.W.T ini disokong dengan hadith Rasulullah s.a.w,

أَلَا وَإِنَّ فِي الْحَسَدِ مُضِيَّةٌ إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْحَسَدُ كُلُّهُ
وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْحَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقُلُوبُ

Ertinya, “Ingatlah! Sesungguhnya di dalam tubuh manusia itu ada segumpal daging, apabila ia baik maka baiklah seluruh tubuhnya dan jikalau ia rosak maka rosaklah seluruh tubuhnya, tidak lain dan tidak bukan itulah yang dikatakan hati.” (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim ; Al-Bayan, Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim, 1996)

Islam memandang setiap peringkat pembangunan manusia dalam setiap aspek sama ada jasmani atau rohani adalah perlu dibaja supaya menjadi manusia yang baik di dunia dan di akhirat. Antara tokoh sarjana Islam yang membahaskan aspek ini ialah Al-Imām Al-Nawawī (1983) dengan kitabnya *al-Azkār* dan *Riyād al-Šolihīn*, Al-Imām Al-Ghazālī (1994) dengan kitabnya *Ihya' 'Ulum al-Dīn*, Muhammad Jamāl Al-Dīn (t.t.) dengan kitabnya *Mau'izat al-Mukminin Min Ihya' 'Ulum al-Dīn* dan Abdullah Nasīh Ḩulwan (1999) dengan kitabnya *Tarbiyyat al-Awlād Fī al-Islām*, Badir Muhammad Badir (1992) dengan kitabnya, *Manhaj al-Sunnah al-Nabawiyyah fī Tarbiyyah al-Insān*, Al-Sanā'i (1405H) dengan kitabnya *Subul al-Salām Sharḥ Bulūgh al-Murām Min Adilat al-Ahkām* dan lain-lain sarjana Islam.

Allah S.W.T telah memerintahkan manusia supaya menjadi insan yang soleh di dunia sebagai bekalan kepada kehidupan di akhirat. FirmanNya,

وَاتْبِعْ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارُ الْآخِرَةِ وَلَا تَنْسَ نَصِيبِكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَخْسِنْ كَمَا أَخْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ
وَلَا تُثْبِنَ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ

Ertinya, “Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu)

dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan ". (Al-Qasas: 77; Abdullah Basmeih, 1999: 1024)

Suruhan Allah S.W.T kepada umat Islam agar dapat membangunkan diri kepada peringkat yang soleh dan kamil supaya mereka mencapai kehidupan yang baik di dunia dan lebih-lebih lagi di akhirat. Ini dipertegas oleh Allah S.W.T di dalam firmanNya,

مَنْ عَيْلَ صَالِحًا مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى وَهُنْ مُؤْمِنُونَ فَلَنَخْبِثَنَّ حَيَاةَ طَيِّبَةَ
وَلَنَخْرِثَنَّ أُخْرَاهُمْ بِأَخْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Ertinya, "Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya kami akan membalaas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan." (Al-Nahl: 97; Abdullah Basmeih, 1999: 659).

Dari sudut pandangan sarjana-sarjana Islam, pembangunan insan telah banyak diperbahaskan. Pembangunan insan mengikut Al-Imām Al-Ghazālī dapat dilihat di dalam salah satu buku karangan beliau iaitu *'Ihya 'Ulum al-Dīn*. Dalam buku ini, Al-Imām Al-Ghazālī menjelaskan bahawa gambaran pembangunan insan yang ingin dicapai oleh beliau kepada umat Islam adalah pembangunan insan dari segi pengetahuan agama, akidah, ibadah, penghayatan Al-Quran, adab kehidupan, kehidupan berkeluarga, mencari rezeki, perhubungan sesama manusia, akhlak dan budi pekerti, serta pembangunan jiwa serta hati (Al-Ghazali, 1994).

Berlainan daripada Al-Imām Al-Ghazālī, Al-Imām Al-Nawawi (1983) dengan kitab beliau *'Riyād al-Solihin'* menganggap pembangunan insan mestilah dimulakan dengan pembangunan akhlak kepada Allah S.W.T terutama hati dan pembangunan akhlak sesama insan, diikuti dengan pembangunan sosial, adab kehidupan, ibadat, jihad, ilmu pengetahuan, termasuklah batasan agama. Berasaskan kepada perkara-perkara

pembangunan manusia dari segi ini, insan boleh mencapai matlamat kehidupan yang baik di dunia dan akhirat.

Secara kesimpulannya kita dapat melihat erti pembangunan insan dari perspektif yang berbagai-bagai. Pembangunan insan bagi sarjana-sarjana Barat dilihat secara khusus di antara mereka, misalnya melihat pembangunan insan dilihat dari salah satu segi pembangunan ekonomi; status, kuasa, peringkat keperluan diri dan agama. Manakala pembangunan insan dari pandangan Islam dan sarjana Islam adalah dilihat secara lebih menyeluruh dan bersepada sama ada dari aspek kerohanian seperti hati, roh dan jiwa, aspek jasmaniah seperti pembangunan ibadat, adab, akhlak, pergaulan dan pekerjaan, aspek intelektual seperti akal dan keilmuan, dan aspek biologi seperti pertumbuhan tubuh badan sejak di alam kandungan hingga ke peringkat dewasa.

1.1 Pernyataan masalah

Penekanan aspek pembangunan insan menurut sarjana Barat dan Islam sememangnya mempunyai perbezaan yang jelas. Bagi Barat, penekanan diberikan kepada aspek pembangunan material berbanding daripada aspek kerohanian. Jika ada sekali pun aspek kerohanian tetapi bukanlah aspek ini yang menjadi keutamaan (Al-Qardhawi, 1999: 61). Selain itu, sumber metodologi pembangunan insan mereka juga berbeza dengan Islam. Di kalangan sarjana Barat, mereka menjadikan teori-teori yang rasional mengikut pemikiran akal seperti teori Marx, Weber, Maslow dan lain-lain sarjana sebagai panduan kepada usaha pembangunan insan mereka (Fink, 1992; Rousek & Warren, 1986; Zanden, 1993) tanpa melihat kepada sumber wahyu (Al-Qardhawi, 1999: 61).

Selain itu, pembangunan insan bagi kebanyakan sarjana Barat hanya bermatlamatkan kehidupan di dunia sahaja tetapi tidak melibatkan kehidupan di akhirat

sebagaimana yang dijelaskan dalam dasar sekularisasi Barat yang menterjemahkan sekular sebagai, "Satu gerakan sosial yang bermatlamat membawa dan mengarahkan manusia daripada mementingkan akhirat kepada mementingkan dunia sahaja (Al-Qardhawi, 1999: 60). Berlainan dengan Islam, matlamat kehidupan mereka bukan sahaja tertumpu kepada pembangunan yang membawa kebahagiaan di dunia bahkan juga untuk membawa insan kepada kebahagiaan yang kekal abadi di alam Akhirat (Aidit Ghazali, 1990: 25).

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan prinsip agama Islam seperti Malaysia, pembangunan insan yang menjadi pegangan ialah prinsip pembangunan yang menyeluruh daripada pelbagai aspek kehidupan yang merangkumi aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani. Justeru, falsafah pendidikan negara Malaysia dicatatkan sebagai,

"Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadan untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara." (Zawawi Hj. Ahmad, 1996: 180)

Oleh itu, pembangunan insan mengikut definisi barat adalah tidak sesuai untuk diamalkan di sebuah negara seperti Malaysia. Pembangunan insan yang paling sesuai ialah pembangunan yang dilihat mengikut acuan Islam itu sendiri yang mana memberi penekanan dalam aspek pembangunan bersepadan (Al-Qardhawi, 1999: 124) dan menjadikan kerohanian sebagai teras kepada aspek meterialnya serta menjadikan Tuhan sebagai rujukan kepada metodologi pembangunan (Al-Qardhawi, 1999: 125; Syed Naquib Al-Attas, 1977; Abul Hasan Muhamad Sadeq, 1990; Mansor Ahmad Samad, 1993; Aidit Ghazali, 1990).

Sumber metodologi pembangunan Islam yang berdasarkan sumber wahyu iaitu Al-Quran dan Sunnah, menjadikannya sebagai satu sumber yang begitu sesuai dengan fitrah kemanusian itu sendiri (Yasien Mohamed, 1996: 16). Perbezaan dalam aspek inilah yang membezakan antara Islam dan Barat.

Pembangunan insan yang dibangunkan dari aspek meterial sebagaimana penekanan utama Barat bukanlah sesukar pembangunan insan dari aspek kerohanian. Ini kerana aspek meterial merupakan aspek yang boleh disentuh dan dibentuk mengikut akal rasional manusia untuk memajukannya. Sedangkan aspek kerohanian pula merupakan aspek yang menyentuh hati, jiwa, akal, fikiran dan kelakuan insan yang kadangkala tidak boleh dibangunkan mengikut akal rasional. Pembangunan ini hanya boleh dibangunkan berdasarkan metodologi pencipta manusia itu sendiri iaitu Allah S.W.T (Al-Qardhawi, 1999: 148). Metodologi ini kemudiannya diwariskan kepada manusia melalui rasul-rasulNya dan kemudiannya dikumpulkan pula dalam bentuk yang lengkap oleh ulama-ulama (Mohd Yusof Ibrahim, 1992; Mohd Yusuf Ahmad, 2000). Hanya dengan merujuk kepada sumber-sumber yang berasaskan sumber warisan ini sahaja pembangunan kerohanian insan dapat dibangunkan dengan betul.

Ekoran daripada itu, pengkaji merasakan adalah perlu bagi pengkaji untuk mengkaji salah satu karya ulama yang terkenal di dalam dunia Islam. Karya ini membahaskan tentang pembangunan insan yang disusun begitu lengkap berdasarkan sumber Al-Quran dan Sunnah selain menjadi keperluan kepada pembangunan insan sehingga dapat menghasilkan pembangunan insan yang sempurna. Karya yang menjadi pilihan pengkaji ialah *Kitāb Riyāḍ al-Šolihīn* karangan Al-Imām Al-Nawawī (Pauzi bin Haji Awang, 1990: 17).

Pengkajian teks karya *Kitāb Riyāḍ al-Šolihīn* ini berdasarkan obejktif-objektif yang dikemukakan di dalam tajuk di bawah ini.

1.2 Objektif penyelidikan

Kajian ini bertujuan untuk meneliti hasil karya Al-Imām Al-Nawawī iaitu Kitāb Riyād al-Šolihin untuk melihat paradigma beliau daripada perspektif pembangunan insan. Di antara objektif umum kajian ialah,

1. Menghayati kebaikan metodologi yang digunakan oleh Al-Imām Al-Nawawī dalam membentuk penghayatan terhadap pembangunan insan.
2. Melihat fakta-fakta dan perkara-perkara yang dititikberatkan oleh paradigma Al-Imām Al-Nawawī dalam membangunkan manusia sebagai insan yang solih.

1.3 Persoalan penyelidikan

Berdasarkan objektif penyelidikan di atas, persoalan kajian dan skopnya adalah seperti berikut,

1. Apakah methodologi yang digunakan oleh Al-Imām Al-Nawawī di dalam menyampaikan paradigma-paradigma pembangunan insan?
2. Apakah tema-tema utama pembangunan insan yang dibicarakan di dalam Kitāb Riyād al-Šolihin?

1.4 Skop penyelidikan

Sebagai satu penyelidikan teks, skop penyelidikan adalah berkisar kepada Teks Kitāb Riyād al-Šolihin karangan Al-Imām Al-Nawawī. Kitab ini ditulis dalam Bahasa Arab yang diterbitkan di Beirut, Lubnan pada tahun 1983.

1.5 Definisi Istilah

Berikut adalah difinisi istilah yang diguna pakai di dalam kajian ini,

1.5.1 Paradigma

Paradigma sebenarnya perkataan yang diambil pakai ke dalam bahasa Melayu daripada Bahasa Inggeris iaitu '*paradigm*'. Menurut the Oxford English Dictionary (1978: 449) '*paradigm*' merupakan kata nama yang bererti; "*a patter, exemplar, example" or "an example or patter of the inflexion of a noun, verb, or other inflected part of speech*". Bererti; 'bahasa, contoh; satu contoh atau bahasa yang digunakan seseorang yang merangkumi kata nama, kata kerja atau lain-lain rakuman percakapan'. Ini bolehlah dimaksudkan bahawa paradigma merupakan satu set kata-kata oleh seseorang yang boleh dijadikan model dan ikutan kepada kita. Di dalam 'Dictionary of philosophy and religion' (Reese & William L, 1980: 411) menyebut paradigma dalam bahasa Inggeris sebagai '*paradigm*' diambil daripada bahasa Greek iaitu '*paradeigma*' yang bermakna '*a pattern, model or plan*' ertinya '*satu bentuk, model atau perancangan*'.

Menurut Covey (1990: 23) etika perlakuan dan etika personaliti adalah contoh-contoh daripada paradigma sosial. Perkataan paradigma datang daripada bahasa Greek yang pada asalnya adalah istilah saintifik dan sangat biasa digunakan sekarang sebagai satu model, teori, persepsi, andaian atau rangka rujukan. Dengan maksud yang lebih mendalam, ia merujuk kepada cara kita melihat dunia di dalam istilah pengertian, kefahaman dan interpretasi di dalam pemikiran. Satu cara yang mudah untuk memahami paradigma ini ialah dengan melihat paradigma sebagai satu peta. Peta tersebut bukanlah sebenarnya tanah atau kawasan sebenar. Peta hanya satu bentuk penerangan terhadap aspek-aspek di dalam kawasan atau tanah. Itulah sebenarnya apa yang dikatakan paradigma, iaitu ia adalah satu teori, penerangan atau model terhadap sesuatu perkara.

1.5.2 Teks

Kamus Dewan (2000: 1397) dan Kamus Am (1997: 1092) mendefinisikan teks sebagai kata-kata asli dari pengarangnya; kutipan daripada sesebuah kitab suci sebagai pangkal ajaran atau alasan; sesuatu yang tertulis sebagai dasar pelajaran dan berpidato; dan kandungan buku yang utama.

Teks di dalam penyelidikan ini merujuk kepada kitab Al-Imām Al-Nawawi iaitu *Riyāḍ al-Ṣolihīn*; yang merupakan kandungan asal buku susunan beliau.

1.5.3 Pembangunan insan

Pembangunan dalam Bahasa Melayu adalah kata terbitan daripada perkataan '*bangun*'. Menurut Kamus Am (1997: 74), ia bererti '*pembinaan*' dan '*hal membangunkan*' yang mana menurut *Tesaurus Umum Bahasa Melayu* (1990: 26), ia seerti dengan makna '*pengembangan, pembinaan, pembaharuan dan peningkatan*'.

Insan pula merujuk kepada manusia (Kamus Am, 1997: 381) yang dipinjam daripada perkataan 'إِنْسَانٌ' di dalam Bahasa Arab. Dan perkataan 'إِنْسَانٌ' daripada kata nama khusus yang dirujuk kepada manusia. Ia sebenarnya diambil daripada perkataan 'إِنْسَانٌ كُسُبٌ - بَشَّارٌ - نَسْرَانٌ - نَسْرَانٌ' yang bermana '*lupa*' dan '*lalai*' (Al-Marbawi, 1354H: 316), kerana insan telah berjanji kepada Allah S.W.T tetapi dia telah melupakan janjinya (Ibnu Manzur, 1990: 11/6). Pengertian ini sedikit sebanyak menambahkan kewajaran penggunaan '*pembangunan insan*' berdasarkan insan, yang selalu lupa itulah sebenarnya yang perlu disedarkan, diingatkan dan dibangunkan dari kelupaannya.

1.5.4 Riyadh al-Solihin

'*Riyāḍ al-Ṣolihīn*' dua kalimah bahasa arab yang digunakan oleh Al-Imām Al-Nawawi sebagai tajuk kitabnya.